

RAZAK IBRAHIM & CO

ADVOCATES & SOLICITOR
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

AHMAD JUFLIZ BIN DATO FAIZA
LLB (Staff Uni), CLP, DSLP (UIA), LLM (UM)

43-2, JalanSetiwangsa 11A,
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur
Tel: 03-4265 4422
Fax: 03-4266 4433
Email :ricolaw80@gmail.com

Your Ref :please advice

Our Ref :RI/DYMMSPBYDA/10/12

Date : 10.12.2024

Menghadap

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung XVII
Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar
Yang Bersemayam di Istana Negara, Kuala Lumpur

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ampun Tuanku,

Dengan penuh hormatnya dan takzimnya patik merafak sembah dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, mudah-mudahan KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku dan Raja Permaisuri berada dalam perlindungan aflat dan kerahmatan dari Allah Subhanahu Ta'ala setiap masa dan berlanjutan sampai akhirat.

**PER: PENYERAHAN MEMORANDUM BANTAHAN PINDAAN & NOTIS LIABILITI KE ATAS
AKTA 342 [RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT
BERJANGKIT [PINDAAN] 2024-D.R.32/2024 ["MEMORANDUM BANTAHAN"] [LAMPIRAN
A] DAN PERBANDINGAN DENGAN AKTA SOSMA & ISA [LAMPIRAN B]**

Daulat Tuanku,

Patik dengan penuh takzim menulis warkah ini dengan merujuk kepada perkara di atas dan mewakili anakguam patik yang bersetuju untuk membantah dan menolak kelulusan yang di

buat oleh Dewan Rakyat pada 14.10.2024 dan Dewan Negara pada 2.11.2024 terhadap **Rang Undang-Undang Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Pindaan] 2024** ["Pindaan Akta 342"].

2. Untuk pengetahuan Tuanku, Pindaan Akta 342 sebelum ini cuba di bantangkan di parlimen pada 19.12.2021 ketika mana jawatan Perdana Menteri Malaysia di pegang oleh Yang Berhormat Dato' Seri Ismail Sabri tetapi oleh kerana **bantahan rakyat** yang amat keras termasuk **bantahan pihak ketua pembangkang** ketika itu yang di ketuai oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kerana Pindaan Akta 342 memberi kuasa yang cukup besar kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan pegawai-pegawainya tanpa semakan ["no oversight"] dan berpotensi besar membuka ruang berlakunya salah guna kuasa, rasuah termasuk berhubung dengan jumlah kompaun dan penalti yang keterlaluan yang akhirnya Pindaan Akta 342 di gantung atau di tangguhkan pembentangannya.

3. Patik dengan rendah diri ingin menyatakan bahawa semasa **Pandemik Covid-19** yang di istiharkan oleh Badan Kesihatan Dunia atau WHO ["World Health Organisation"] sebagai Darurat Kesihatan, **kerajaan ketika itu telah mengikuti sepenuhnya tanpa sebarang penyelidikan, siasatan dan/atau bantahan kepada protokol WHO dan dengan cuai dan salah menggunakan polisi kesihatan Awam secara sewenang-wenangnya, menyalahgunakan Akta 342 ketika menangani Pandemik Covid-19** termasuk "lock down" dan pemaksaan kepada Rakyat untuk mengambil eksperimental vaksin Covid 19 dan mendiskriminasi Rakyat yang tiada "vaksin paspot" merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi Rakyat yang di jamin oleh Perlembagaan Persekutuan, meruntuhkan institusi Agama dan Keluarga, peningkatan kadar bunuh diri, rasuah & ketirisan dalam menggunakan dana Rakyat & Negara termasuk meruntuhkan ekonomi Rakyat sehingga hari ini. **Justeru itu, patik dan anak guam patik amat bimbang kerana Pindaan Akta 342 yang masih cuba untuk di luluskan seolah-olah pihak kerajaan dan wakil-wakil Rakyat langsung tidak peka akan sumpah setia dan jawatan untuk sentiasa melindungi, mempertahankan Hak Asasi & Kesejahteraan Rakyat, Keselamatan dan Kedaulatan Malaysia dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.**

4. Maka sembah patik, kami sertakan **Memorandum Bantahan & Notis Liabiliti dengan nama-nama anak guam kami [Lampiran A]** bagi menunjukkan beberapa seksyen dalam


pindaan Akta 342 bersifat drakonian/zalim, wujud pelanggaran kepada Hak Asasi Rakyat termasuk boleh menjejaskan keselamatan, kesejahteraan dan kedaulatan Negara.**dan Perbandingan Pindaan Akta 342 dengan SOSMA & ISA [Lampiran B] bagi menunjukkan lebih zalimnya Pindaan Akta 342** daripada Akta Kesalahan Keselamatan [Langkah-Langkah Khas] 2012 ["SOSMA"] dan Akta Keselamatan Dalam Negeri ["ISA"]. Ringkasnya, patik dan anak guam patik memohon supaya Pindaan Akta 342 DI TOLAK.

5. Sekian, sembah patik harap di ampun. Dengan penuh hormat dan takzim patik beserta anak guam patik amat yakin payungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Majlis Raja-Raja seluruhnya akan sentiasa memainkan peranan yang penting menjaga Agama Islam, keselamatan, kesejahteraan & kedaulatan Negara sepertimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan sentiasa di redhai Allah Subhanahu Wata'ala.

Amin Ya Rabbaal Alamin

Sekian patik yang benar,

Yang Benar



AHMAD JUFLIZ BIN DATO' FAIZA

Peguambela & Peguamcara

BC/A/765

Bagi Tetuan RAZAK IBRAHIM & CO

